

SOALAN NO: 44

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DR. MOHD HATTA BIN MD. RAMLI
[KUALA KRAI]**

TARIKH : 12 JUN 2014

SOALAN :

YB Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian bagi mengurangkan kos harga ubat dan kos konsultasi pegawai perubatan di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, sejak tahun 2006, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sentiasa memantau kos perubatan di hospital swasta berpandukan Jadual Ketiga Belas, Peraturan-Peraturan Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta (Hospital Swasta dan Kemudahan Jagaan Kesihatan Swasta Lain) 2006. Jadual ini, berdasarkan kepada Jadual Fi Persatuan Perubatan Malaysia (MMA) (2002).

Jadual Ketiga Belas memberi kuasa kepada Kerajaan untuk meletakkan harga siling atau had maksimum kos rawatan kepada fi profesional iaitu fi perundingan dan fi prosedur pengamal perubatan atau pergigian swasta. Selainnya adalah caj hospital iaitu fi penginapan, fi tatacara kejururawatan, fi peralatan, fi ujian makmal dan fi ubat-ubatan yang tidak dikawalselia oleh KKM.

Pihak hospital swasta dan insurans telah pun dimaklumkan tentang semakan Jadual Ketiga Belas yang diumumkan oleh YB Menteri Kesihatan awal tahun ini, dan mereka memainkan peranan yang penting untuk mewar-warkan kepada pesakit yang berurusan dengan hospital swasta dan syarikat insurans supaya mereka lebih peka dan memahami mengenai perubahan ke atas Jadual Ketiga Belas.

Pesakit juga memainkan peranan penting untuk memantau sendiri kos perubatan yang dikenakan dengan meminta sebelum permulaan jagaan atau rawatan, caj yang dianggarkan bagi perkhidmatan seperti yang

diperuntukkan dibawah perenggan 26(1)(a)(b), Peraturan-Peraturan Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta (Hospital Swasta dan Kemudahan Jagaan Kesihatan Swasta Lain) 2006.

Selain itu, pihak pengurusan hospital swasta sentiasa melakukan pemantauan ke atas caj yang dikenakan oleh pengamal perubatan yang mengamal di hospital swasta dan memastikan fi tersebut tidak melebihi fi yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga Belas.

Pihak organisasi jagaan yang diuruskan (MCO) dan insurans turut memantau caj perubatan yang dikenakan oleh pihak hospital swasta untuk pesakit-pesakit berinsuran. Pihak MCO akan menjalankan verifikasi terhadap setiap tuntutan bayaran yang dibuat ke atas seseorang pesakit oleh pihak hospital swasta. Pihak hospital dikehendaki memberi penyelesaian jika fi yang dikenakan didapati tidak munasabah dan pembayaran akan hanya dibuat setelah mendapat penjelasan dan didapati munasabah.

Sebelum pelaksanaan Jadual Ketiga Belas dibuat, Kerajaan tidak campurtangan dalam menangani kos rawatan di hospital swasta. Ini memberi kuasa kepada Kerajaan untuk meletakkan harga siling atau had maksimum kos rawatan untuk menjaga hak rakyat. Ini adalah supaya rakyat diberi perlindungan daripada dikenakan caj rawatan yang terlampau tinggi.

Ini adalah satu usaha oleh Kerajaan untuk mengawal kos rawatan di hospital swasta dalam masa yang sama memberi manfaat dan menjaga kebijakan rakyat. Oleh yang demikian, terpulang kepada pengamal

perubatan untuk mengenakan bayaran yang munasabah kepada pesakit dengan mengambil kira latar belakang pesakit, kompleksiti kes yang dikendalikan, jenis fasiliti, lokasi dan sebagainya.

Dalam perkara ini, adalah diharapkan pengamal perubatan mengambil kira keadaan pasaran semasa dan keadaan pesakit dalam menentukan kos yang sewajarnya yang akan dikenakan ke atas pesakit.